

• Negeri tidak dipaksa swasta bekalan air

BH 6 APR 2

KANGAR, Jumaat - Kerajaan negeri tidak akan dipaksa menerima cadangan Kementerian Kerja Raya untuk menswastakan bekalan air di seluruh negara.

Sebaliknya, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, kementerian akan menyerahkan kepada kerajaan negeri untuk menilai cadangan itu dan membuat keputusan sendiri sama ada menerima atau tidak cadangannya.

Pada masa ini hanya Johor dan Pulau Pinang menswastakan bekalan air di negeri masing-masing.

Katanya, cadangan penswastakan bekalan air itu cuma peringatan awal Kementerian Kerja Raya mengenai kos pengeluaran air yang kini di sekitar RM1.80 bagi setiap 1,000 gelen, tidak akan kekal lama dan semakin meningkat.

"Jika mereka (kerajaan negeri) tidak suka, mereka boleh mengambil beban kehilangan berjuta-juta ringgit (akibat air tanpa hasil) sepenuhnya.

"Sebahagian besar hasil

kerajaan negeri nanti akan disalurkan untuk bekalan air saja... berapa lama mereka boleh tahan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Konvensyen MIC Perlis di sini, hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, cadangannya se belum ini mengenai penswastakan air masih pada peringkat kajian.

Katanya, kempen menjimat air juga kurang berkesan kerana harga air terlalu murah pada masa ini.

"Harga air murah, mereka tidak peduli dan tidak jimat air, kempen pun tidak guna (berkesan)," katanya.

Samy Vellu pada 26 Mac lalu mengumumkan kerajaan akan menswastakan bekalan air bagi membolehkan kos pengeluaran ditanggung bersama oleh pengguna.

Cadangan itu bagaimanapun dibantah banyak pihak termasuk beberapa kerajaan negeri manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 29 Mac dipetik, sebagai berkata kerajaan belum membuat keputusan mengenainya.